

02/02/2000

Jabatan baru tangani fitnah diwujudkan

Zainuddin Zain

ALOR STAR, Selasa - Kementerian Penerangan menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Khas bagi menggantikan Bahagian Khas yang pada masa ini diletakkan di bawah Jabatan Penerangan.

Jabatan itu bakal mempunyai Ketua Pengarah dan timbalannya serta pengarah pada peringkat negeri.

Bagi tujuan itu, 887 pegawai dan kakitangan Bahagian Khas Jabatan Penerangan akan diserapkan ke jabatan baru yang antara fungsinya ialah menangani perkara berkaitan agama dan menjelaskan isu semasa berkaitan dasar kerajaan.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus, berkata pegawai dan kakitangan terbabit perlu menjalani temuduga semula untuk memastikan mereka menjawat jawatan bersesuaian kerana fungsi jabatan baru itu amat penting.

"Jabatan ini juga berfungsi menangani fitnah yang dilemparkan pembangkang. Kita tidak mahu pemikiran rakyat terus ditanam dengan pembohongan sehingga melahirkan kebencian terhadap kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri taklimat Jabatan Penerangan Kedah di kompleks jabatan itu di Jalan Kuala Kedah, dekat sini hari ini.

Turut hadir Ahli Exco Kedah, Rosnah Majid; Datuk Beh Heng Seong dan Datuk Zainol Md Isa serta Pengarah Penerangan Kedah dan Perlis, Azizan Din serta Abdul Razak Awang.

Khalid juga berkata, satu kumpulan pemikir akan ditubuhkan oleh jabatan baru itu bagi menangani pelbagai isu agama yang dibangkitkan parti pembangkang dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Baru-baru ini, Menteri Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, mengumumkan penyusunan semula Bahagian Khas Jabatan Penerangan untuk menjadikannya bahagian yang bertanggungjawab menangani pelbagai fitnah dan pembohongan.

Ia bagi membolehkan kerajaan menjawab dan menjelaskan isu serta perkara yang dibangkitkan masyarakat umum kerana Jabatan Penerangan hanya mempunyai bahagian dan pegawai penerangan yang memberi penjelasan mengenai dasar kerajaan dan mengumpulkan maklum balas orang ramai.

Khalil memberikan contoh penyebaran surat palsu kononnya ditulis Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Perdana Menteri Israel, Ehud Barak yang mendakwa Malaysia mahu menjalin hubungan diplomatik dengan negara itu.

Menurut Khalil, walaupun penyebaran surat itu berjaya dikesan dan dikesan, pegawai penerangan tidak tahu bagaimana menjawab dan memberi penjelasan berhubung perkara itu.

Sementara itu, Khalid menasihatkan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, terutama di negeri yang hampir atau dikuasai sepenuhnya Pas tidak patah semangat serta beranggapan kekalahan sebagai 'penghujung dunia' bagi mereka.

Ia kerana kerajaan tidak bersikap kejam sebaliknya akan terus memberi sokongan kepada jabatan itu untuk memperbaiki keadaan sebelum pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, kerajaan tidak akan mencari kesalahan sesiapa dan mahu semua pihak menjadikan keputusan pilihan raya November tahun lalu sebagai iktibar supaya kelemahan diperbaiki dalam tempoh lima tahun ini.

"Saya tidak akan kata Pengarah (Penerangan Kedah) kita bersalah apabila lapan kerusi Parlimen dan 12 kerusi DUN (Dewan Undangan Negeri) tumbang

kepada Pas, sebaliknya kita jadikan ia iktibar.

"Yang penting pegawai dan kakitangan perlu bekerjasama dan bekerja dalam satu pasukan dengan menasihati dan memberi pandangan masing-masing," katanya.

(END)